

KEBERKESANAN PROGRAM MENYEMARAK NYALA RASA GURU TERHADAP KETAHANAN MENTAL DIRI PELAJAR

The Effectiveness of *Program Menyemarak Nyala Rasa Guru* on Students' Mental Resilience

¹Mariah Ibrahim, ²Punitha Muniandy, & ³Jeya Chitrah Muniswaran

^{1,2,3}Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun, Pulau Pinang

Corresponding author: mariah.ibrahim@ipgm.edu.my

Received: 10/3/2025 Revised: 21/5/2025 Accepted: 25/6/2025 Published: 10/10/2025

DOI: <https://doi.org/10.61374/temp01.25>

ABSTRAK

Program Menyemarak Nyala Rasa Guru bertujuan berkongsi ilmu dan kepakaran serta memberi pendedahan dan pengalaman melalui guru-guru cemerlang penerima anugerah peringkat kebangsaan dan antarabangsa menerusi amalan pembelajaran profesional. Kajian awal bertujuan menganalisis keberkesanan Program Menyemarak Nyala Rasa Guru terhadap kesediaan mental dan hubungan tahap ketahanan diri pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dengan cabaran profesion keguruan masa kini. Kajian tinjauan ini menggunakan rekabentuk kuantitatif. Borang soal selidik “google form” diedarkan kepada PISMP seramai 195 terdiri daripada pelbagai bidang pengajian. Data kajian dianalisis menggunakan pakej perisian statistik The Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 27.0. Analisis min dan sisihan piawai digunakan bagi melihat keberkesanan Program Menyemarak Nyala Rasa Guru terhadap tahap kesediaan mental pelajar PISMP. Manakala statistik inferens iaitu analisis korelasi Pearson bertujuan melihat hubungan tahap ketahanan diri pelajar dengan cabaran profesion keguruan. Dapatan kajian ini menunjukkan catatan skor min yang tinggi 3.39 bagi tahap kesediaan mental pelajar. Analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara ketahanan diri pelajar dengan cabaran profesion keguruan. Secara keseluruhan kajian menunjukkan pelajar terlibat dengan Program Menyemarak Nyala Rasa Guru menunjukkan tahap ketahanan mental diri yang kuat dan mampu menghadapi cabaran profesion keguruan. Program ini sesuai dilaksanakan dalam kalangan guru novis mahupun guru sekolah bagi menyemarak nyala rasa agar golongan guru berjiwa pendidik dapat dilahirkan dan mampu bersedia menghadapi arus globalisasi pendidikan yang semakin mencabar.

Kata kunci: nyala rasa, ketahanan diri, jiwa pendidik, profesion

ABSTRACT

Program Menyemarak Nyala Rasa Guru aims to share knowledge and expertise while offering exposure and experience through excellent teachers who received awards both national and international levels via professional learning practices. This preliminary study seeks to analyze the effectiveness of the program in supporting the mental readiness and resilience levels of PISMP (Bachelor Degree of Teaching Program) students in facing teaching challenges of the present day. The study, employing a survey method via a google form questionnaire, involved 195 PISMP students across various fields of study. Data were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 27.0. Mean and standard deviation analyses were conducted to assess the program's impact on the mental readiness of PISMP students, while inferential statistics, specifically Pearson correlation analysis, was used to examine the relationship between students' resilience and the challenges of the teaching profession. The program's effectiveness is reflected by a high mean score of 3.39 on students' mental readiness levels. Correlation analysis indicated a significant positive relationship between students'

resilience and the challenges of the teaching profession. In brief, the study found that students participating in the program displayed strong mental resilience and an ability to face the challenges of the teaching profession. Such programs should be extended to novice teachers and school teachers to inspire a passion for teaching, grooming educators with a strong sense of vocation and better preparation for the increasingly complex demands of globalized education. This noble effort aims to elevate the teaching profession on the international realm, in line with the vision and mission of the Teacher Education Institute (IPGM).

Keywords: passion, resilience, teaching spirit, profession

PENGENALAN

Guru merupakan aset utama bagi memastikan perkembangan pendidikan dapat dilaksanakan dengan berkesan di sekolah. Guru perlu memiliki kualiti yang bersifat kontemporari relevan dengan arus pendidikan. Komitmen dan usaha mempertingkatkan kualiti pendidikan adalah sebahagian tugas utama seorang guru (Hasifah dan Muhammad Faizal, 2022). Guru juga memainkan peranan penting untuk melonjakkan kualiti pendidikan negara ke tahap global. Dalam konteks merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru, guru perlu memiliki satu wawasan yang unggul untuk mentransformasikan pelbagai aspek pendidikan, berfikiran aras tinggi dan mampu meningkatkan keberhasilan sekolah dan kemenjadian murid. Seorang pengurus pendidikan yang baik, mereka perlu peka dengan perkembangan pendidikan yang terkini dan sanggup untuk menghadapi proses kepemimpinan, pengurusan, pengelolaan sumber dan pencapaian matlamat pendidikan (Ibrahim, 1995). Oleh sebab terdapat perubahan demi perubahan dalam sistem Pendidikan yang memberi kesukaran kepada sebahagian warga pendidik untuk menyesuaikan diri dengan perubahan hingga wujudnya tekanan dalam menjalankan tugas (Abd. Rahman & Ahmad, 2024; Kasim et al., 2022; Siti & Mohd Effendi Ewan, 2021; Nor et al., 2018). Kompetensi profesionalisme guru perlu dibangunkan secara bersepadu dan berterusan bagi mencapai tahap kualiti yang memberi impak terhadap mutu pendidikan.

Program Menyemarak Nyala Rasa Guru merupakan inisiatif yang menyokong Transformasi IPG (2016-2025), kluster 2 dan kluster 6 khasnya dalam meningkatkan kualiti pensyarah dengan mengiktiraf dan menyokong amalan terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta pemantapan pembangunan profesionalisme keguruan. Program Menyemarak Nyala Rasa Guru dalam kalangan pelajar PISMP di IPGK merupakan langkah awal dalam menyediakan sebuah platform *showcase* yang merangkumi forum dan bengkel dalam kalangan pelajar PISMP untuk meningkatkan persediaan mental diri pelajar.

Pembangunan profesionalisme dan peningkatan kompetensi guru adalah aspek yang penting dalam mencapai kecemerlangan pendidikan di sekolah-sekolah (Ramanan et al., 2024; Saadiah et al., 2020). Guru yang memiliki profesionalisme yang tinggi dan kompetensi yang baik akan memberikan pengajaran yang berkualiti kepada murid-murid, menjadikan mereka lebih berdaya saing dan berpotensi untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memberikan analisis kritis terhadap program menyemarak nyala rasa yang digunakan dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme dan kompetensi pelajar IPGK.

Produktiviti sesebuah organisasi bergantung kepada kualiti prestasi kerja atau *key performance indicator* (KPI). KPI adalah satu sistem pengukuran yang mudah, berkesan dan dapat membantu sesebuah organisasi menilai tahap kemajuan pekerja dan perkhidmatan yang ingin disampaikan di tempat kerja (Nordin & Hassan, 2019). Guru merupakan agen utama yang dilantik oleh KPM bagi mewujudkan sistem pendidikan yang berkualiti setanding peringkat universiti bagi melahirkan tenaga kerja yang boleh menjadi “*global player*” dengan sifat jati diri yang unggul, inovatif, produktif, berkemahiran, berdaya saing, berdaya tahan dan kreatif bagi menangani segala cabaran dalam arus globalisasi (Punitha et al., 2022). Justeru, profesion sebagai guru bukanlah sesuatu yang mudah berikutan tanggungjawab yang banyak dan mencabar.

Kajian awal ini adalah penting untuk melihat keberkesanan program dalam membentuk kesediaan mental para pelajar PISMP dalam dunia pendidikan dan ketahanan diri dalam menghadapi cabaran profesion keguruan. Selanjutnya dapatan kajian ini menyumbang maklumat kepada pihak berkepentingan untuk menganalisis pencapaian hasil yang diharapkan daripada Program Menyemarak Nyala Rasa Guru, seterusnya tindakan penambahbaikan program dapat dilaksanakan secara lebih meluas dalam kalangan guru novis malah guru-guru yang sedang berkhidmat di sekolah.

PENYATAAN MASALAH

Tahap kompetensi guru yang rendah dapat membawa kepada pengajaran yang tidak berkualiti. Hal ini kerana guru yang tidak mempunyai tahap kompetensi yang mencukupi mungkin tidak mempunyai pengetahuan, kemahiran, dan pengalaman yang mencukupi untuk memberikan pengajaran yang berkualiti kepada murid-murid (Azarul et al., 2023). Dengan meningkatkan tahap kompetensi, guru dapat memberikan pengajaran yang lebih berkualiti dan berkesan kepada murid-murid, serta membantu mereka mencapai matlamat pembelajaran mereka dengan lebih cekap (Bahagian Pendidikan Guru, 2016, Bahagian Profesionalisme Guru, 2020). Matlamat utama bagi memastikan guru mempunyai kompetensi dan etika kerja yang standard serta menjadi pakar dalam bidang profesion keguruan. Wan Zahid (1996) turut menyarankan bahawa untuk membentuk persekitaran kerja yang baik, guru perlulah meningkatkan pengetahuan dan memperbaiki kemahiran mereka.

Justeru Program Menyemarak Nyala Rasa Guru sesuai untuk pelajar IPGK yang bakal menjadi guru di alam persekolahan. Program *showcase* ini melibatkan guru-guru pemenang anugerah *Malaysia Teacher Prize* peringkat global dan kebangsaan yang telah menunjukkan prestasi luar biasa pengajaran dan pembelajaran dalam situasi sekolah yang mencabar. Panel *showcase* yang Penganjuran program ini selaras dengan aspirasi negara dalam menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan bertaraf antarabangsa. Program ini juga bertepatan dengan Anjakan PPPM (2013-2025) iaitu Anjakan 4: Mentransformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan dan Anjakan 8: Transformasi kebolehan dan keupayaan penyampaian pendidikan. Selaras dengan gelombang peringkat ketiga dalam Pelan Transformasi IPG (2021-2025) iaitu usaha “Mencapai Pengiktirafan Global”.

KAJIAN LITERATUR

Guru-guru baharu sering berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam mengembangkan kompetensi profesional, terutamanya dalam persekitaran pendidikan yang menuntut dan serba kompleks. Cabaran ini termasuk kekurangan bimbingan dalam penyesuaian kepada budaya sekolah, beban kerja yang tinggi, serta tuntutan yang pelbagai dalam pengurusan bilik darjah. Malah golongan ini menghadapi tekanan kerana kekurangan sokongan sistematik dari rakan sekerja dan pentadbir sekolah, yang boleh menjejaskan ketahanan diri dan motivasi mereka untuk mengajar dengan berkesan (Hashim & Khalid, 2021; Shamsuddin, 2020; Azizah, 2019; Mat Zin et al. (2023); & Nor et al. (2018); Ariff Hidayat dan Mahani, 2022).

Justeru sokongan pembangunan profesional berterusan diperlukan bagi membantu guru-guru baharu menyesuaikan diri dengan cepat dan mengembangkan daya tahan mental mereka dalam menghadapi cabaran pengajaran. Tanpa bimbingan yang mencukupi, guru-guru baharu lebih cenderung mengalami tekanan yang berkaitan dengan prestasi dan ketidakstabilan kesejahteraan psikologi mereka (Siti & Mohd Effendi Ewan, 2021). Kajian-kajian lepas juga mencadangkan sistem sokongan yang lebih berstruktur diperlukan untuk memastikan guru baharu mendapat bimbingan yang berterusan dalam aspek kemahiran pengajaran dan pengurusan kelas, agar dapat membina keyakinan serta ketahanan dalam profesion keguruan.


Kajian Norazlin (2018), kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21 adalah tinggi. Namun, tahap pemahaman kemahiran pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru adalah sederhana yang memerlukan kemahiran strategi pengajaran dan pembelajaran 4C: kreativiti, komunikasi, kerjasama dan pemikiran kritis. Manakala kajian Mohd Aizat et al. (2018), berpendapat sikap guru terhadap perubahan berdasarkan dimensi kognitif, afektif dan tingkah laku adalah pada tahap sederhana. Sikap guru terhadap perubahan boleh ditingkatkan dengan latihan, kefahaman dan kepentingan perubahan difahami oleh guru-guru sekolah.

Teori Motivasi Pencapaian McClelland (1978) menjelaskan penggerak kepada kemahuan dan keinginan seseorang untuk berjaya ataupun hendak mencapai sesuatu yang diinginkan terletak pada diri individu masing-masing. Ia juga boleh dikatakan sebagai rangsangan bagi kejayaan seseorang ataupun rangsangan hendak mengelakkan diri daripada kegagalan. Setiap individu mempunyai matlamat yang ingin dicapai namun apa yang membezakan individu dengan individu lain adalah sejauh mana kesediaan mental yang ada dalam diri masing-masing serta bagaimana seseorang berusaha agar ketahanan diri dapat mengharungi cabaran profesion keguruan. Hal ini kerana individu mempunyai keinginan untuk mengatasi rintangan dan sanggup bersusah-payah untuk mencapai sesuatu yang baik. Oleh itu, Teori Motivasi Pencapaian McClelland, menyatakan harapan untuk kejayaan dan ketakutan untuk kegagalan tertanam dalam jiwa individu tersebut.

Selaras dengan konsep jiwa pendidik dalam Kerangka SGM 2.0 merujuk kepada kepercayaan asasi yang membentuk gaya fikir dan amalan seseorang guru. Guru berjiwa pendidik perlu mempercayai bahawa ilmu mesti dicari secara sukarela dan berterusan untuk membentuk keperibadian, perwatakan serta profesionalisme seseorang guru. Dalam konteks ini, guru berjiwa pendidik hendaklah memahami tugas dan tanggungjawab secara profesional dan terperinci (BPG KPM, 2023).

Rajah 1

Kerangka SGM 2.0



(Sumber: BPG KPM, 2023)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerapkan Standard Guru Malaysia versi kedua atau SGM 2.0 sebagai tindak balas terhadap Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK). Berdasarkan kerangka model SGM 2.0, menunjukkan guru perlu menguasai elemen-elemen asas yang merangkumi tanggung jawab terhadap murid, profesion keguruan, ibu dan bapa serta masyarakat. Kajian menyeluruh kepada kesediaan mental terhadap profesion keguruan dan tahap ketahanan diri pelajar. Justeru penguasaan elemen kualiti peribadi dalam kalangan pelajar pada peringkat awal adalah penting demi meningkatkan ketahanan diri dan kesediaan mental sebagai seorang pelajar. Pembentukan diri individu sebagai seorang guru pelatih serta ciri-ciri guru pelatih yang cemerlang perlu disemai dalam jiwa para guru pelatih agar menjamin keutuhan produk IPGK. Elemen kualiti peribadi merupakan tonggak utama yang diberi tumpuan semasa mengendalikan Program Menyemarak Nyala Rasa Guru. Dengan mencapai matlamat kecerdasan rohani, seseorang itu boleh menjadi insan yang seimbang dalam

kehidupan rohani dan jasmani (Elmi Baharuddin & Zainab Ismail, 2016). Kesejahteraan mental adalah sebahagian daripada kesihatan rohani yang penting untuk dijaga.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan pendekatan tinjauan dan data dikumpul melalui kaedah soal selidik dalam kalangan pelajar PISMP di salah sebuah IPG Kampus. Instrumen kajian terdiri daripada komponen kesediaan mental dan ketahanan diri, keberkesanan Program Menyemarak Nyala Rasa Guru, cabaran bidang profesion keguruan. Kajian ini melibatkan 195 pelajar PISMPambilan September 2021 yang terdiri daripada bidang Pengajian Cina, Pengajian Tamil dan TESL. Sebanyak 195 responden menjawab borang soal selidik yang diedarkan secara *online* dan telah menyertai Program Menyemarak Nyala Rasa Guru.

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan Program Menyemarak Nyala Rasa Guru terhadap Kesediaan Mental pelajar PISMP dalam menghadapi Profesion Keguruan dan melihat hubungan antara tahap ketahanan diri pelajar PISMP dengan cabaran profesion keguruan masa kini. guru baharu

Skala pengukuran likert empat mata digunakan bagi mengukur kesemua item soalan mengikut komponen masing-masing. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi yang melibatkan min dan sisihan piawai serta ujian korelasi dengan menggunakan perisian SPSS versi 27.

Borang soal selidik dalam kajian ini terdiri daripada 4 bahagian utama, iaitu Bahagian A: Demografi sebanyak 3 item, Bahagian B: Cabaran yang dihadapi oleh guru baharu sebanyak 18 item, Bahagian C: Kepentingan ketahanan diri dalam kalangan guru pelatih semasa menghadapi cabaran sebagai guru baharu terdiri daripada 18 item, Bahagian D: Pengaruh program terhadap kesediaan mental menghadapi profesion keguruan sebanyak 19 item.

Skor min diukur berdasarkan Jadual 1 pengukuran skor min dan tafsiran oleh Mohd Asri et al. (2016). Jadual pengukuran tahap skor min ini adalah berdasarkan kepada empat tahap pengukuran skor min. Interpretasi skor min tersebut digunakan untuk menentukan tahap kesediaan mental responden.

Jadual 1

Tafsiran Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 1.50	Sangat Rendah
1.51 – 2.50	Rendah
2.51 – 3.50	Sederhana
3.51 – 4.00	Tinggi

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini menumpukan kepada keberkesanan Program Menyemarak Nyala Rasa Guru dalam meningkatkan kesediaan mental pelajar PISMP dalam menghadapi cabaran profesion keguruan. Melalui analisis deskriptif menggunakan min, kajian ini mengenal pasti tahap kesediaan mental pelajar dan impak program terhadap daya tahan mereka. Dapatan ini memberikan gambaran mengenai keberkesanan intervensi program, serta bagaimana ia membantu membentuk ketahanan diri dan kesiapsiagaan pelajar sebelum mereka melangkah ke dunia pendidikan sebagai guru profesional.

Analisis deskriptif iaitu min digunakan bagi menjawab Soalan Kajian 1: Apakah keberkesanan Program Menyemarak Nyala Rasa Guru terhadap kesediaan mental pelajar PISMP dalam menghadapi profesion keguruan.

Jadual 2

Keberkesanan Program Menyemarak Nyala Rasa Guru terhadap kesediaan mental

	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
Min keseluruhan	195	2.05	4.00	3.3765	.48331
Valid N	195				

Jadual 2 memaparkan data diskriptif statistik yang menunjukkan purata keseluruhan dari 19 item yang berkaitan dengan Program Menyemarak Nyala Rasa Guru, skor min keseluruhan adalah 3.38 (sisihan piawai = 0.48). Skor ini menunjukkan tahap kesediaan mental yang positif dalam kalangan pelajar PISMP setelah menghadiri Program Menyemarak Nyala Rasa Guru, mencerminkan kesan program yang baik dalam meningkatkan tahap kesediaan mental dalam menghadapi cabaran profesion keguruan.

Jadual 3

Keberkesanan Program

Bil.	Item Soalan	*Min	Sisihan Piawai
1.	Program ini meningkatkan keyakinan saya untuk menjadi guru yang berjaya.	3.46	.558
2.	Saya kini lebih bersedia untuk menghadapi cabaran sebagai guru baharu selepas program ini.	3.25	.645
3.	Pengalaman yang dikongsi oleh pemenang Global dan Malaysian Teacher Prize memberi saya panduan yang berharga.	3.51	.621
4.	Saya berasa lebih yakin untuk berdepan dengan masalah disiplin di sekolah.	3.21	.673
5.	Program ini memberi saya inspirasi untuk kekal dalam profesion perguruan.	3.36	.606
6.	Saya kini memahami bahawa ketahanan diri adalah penting dalam kerjaya guru.	3.45	.575

7. Program ini membantu saya mempersiapkan diri untuk menangani tekanan dalam mengajar.	3.42	.563
8. Saya berasa lebih bersedia untuk mengurus tanggungjawab sebagai guru.	3.37	.625
9. Nasihat daripada pemenang Global dan Malaysian Teacher Prize membuatkan saya lebih yakin menghadapi cabaran masa depan.	3.38	.610
10. Saya berasa lebih optimis tentang masa depan kerjaya saya selepas menghadiri program ini.	3.37	.607
11. Program ini telah membantu saya mengembangkan sikap positif terhadap cabaran dalam pengajaran.	3.43	.564
12. Saya lebih bersedia untuk mengekalkan keseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi.	3.40	.629
13. Saya rasa lebih bersedia untuk menghadapi situasi yang tidak dijangka dalam kerjaya perguruan saya.	3.35	.651
14. Program ini membantu saya mengurangkan kebimbangan tentang tekanan kerja	3.28	.694
15. Saya yakin bahawa saya boleh mengatasi cabaran dalam bidang perguruan selepas hadir program yang disampaikan oleh pemenang Global dan Malaysian Teacher Prize yang berpengalaman.	3.34	.625
16. Saya penuh bersedia menghadapi cabaran dalam bidang perguruan setelah menghadiri Program Menyemarak Nyala Rasa.	3.34	.625
17. Program Menyemarak Nyala Rasa sangat membantu saya untuk bersedia dari aspek mental dalam meneruskan kerjaya guru	3.34	.608
18. Saya tidak akan mudah menyerah kalah dalam bidang perguruan.	3.43	.599
19. Saya pasti akan menyertai program seumpama ini jika diadakan pada masa akan datang	3.48	.550

Catatan. *Min pada 4-skala Likert: 1 (Sangat Tidak Setuju), 2 (Tidak

Setuju), 3 (Setuju), 4 (Sangat Setuju)

Jadual 3 menunjukkan dapatan purata setiap item untuk menjawab Soalan Kajian 1. Dari segi kesediaan mental pelajar PISMP, sebahagian besar item dalam soal selidik menunjukkan purata yang tinggi, dengan kebanyakan responden memberi skor antara 3.21 hingga 3.51, yang menunjukkan bahawa pelajar PISMP merasa lebih bersedia dan yakin menghadapi cabaran sebagai guru. Sebagai contoh, item "Program ini meningkatkan keyakinan saya untuk menjadi guru yang berjaya" ($M = 3.46$, $SD = 0.56$) menunjukkan keyakinan yang lebih tinggi dalam kalangan pelajar setelah mengikuti program ini. Begitu juga dengan item "Saya kini lebih bersedia untuk menghadapi cabaran sebagai guru baharu selepas program ini" ($M = 3.25$, $SD = 0.65$), yang menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar PISMP merasa lebih bersedia dari segi mental untuk menghadapi cabaran dalam profesion keguruan.

Jadual 4

Korelasi tahap ketahanan diri pelajar dengan cabaran guru baharu

<i>Min</i>	<i>N</i>	<i>Min</i>	<i>SP</i>	<i>r</i>	<i>p</i>
<i>Guru Baharu</i>	195	3.09	.48	.260**	.001
<i>Ketahanan</i>	195	3.49	.44		

****.** *Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-hujung).*

Jadual 4, menunjukkan keputusan ujian korelasi terhadap cabaran guru baharu (min = 3.09, SP=.48) dan tahap ketahanan diri pelajar (min = 3.49, SP = .44), menunjukkan terdapat korelasi positif yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah, yang mana nilai $r = .260$, $p < .001$. Justeru hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat hubungan antara cabaran guru dengan ketahanan diri dalam kalangan pelajar ditolak.

PERBINCANGAN

Berdasarkan Jadual 3, pengaruh *showcase* Program Menyemarak Nyala Rasa Guru daripada pengalaman finalis dan pemenang *Global Teacher Prize* dan *Malaysia Teacher Prize* jelas kelihatan melalui program ini dengan capaian skor purata yang tertinggi. Nescaya pengalaman yang dikongsi oleh para pemenang dan finalis *Global Teacher Prize* dan *Malaysia Teacher Prize* turut memberi impak yang besar. Item "Pengalaman yang dikongsi oleh pemenang *Global Teacher Prize* dan *Malaysia Teacher Prize* memberi saya panduan yang berharga" mencatatkan purata yang tertinggi pada 3.51 (SD = 0.62), menunjukkan bahawa pelajar PISMP berasa perkongsian pengalaman para panel membantu mereka dalam memahami realiti dan cabaran sebenar dalam profesion keguruan. Dapatan ini konsisten dengan kajian Ariff Hidayat dan Mahani (2022) yang mendapati bahawa perkongsian pengalaman daripada guru berpengalaman dapat meningkatkan kesediaan mental dalam kalangan bakal guru.

Program Menyemarak Nyala Rasa Guru juga membantu meningkatkan keyakinan pelajar dalam mengatasi cabaran disiplin dan pengurusan tanggungjawab. Sebagai contoh, item "Saya berasa lebih yakin untuk berdepan dengan masalah disiplin di sekolah" mencatatkan purata 3.21 (SD = 0.67), yang menunjukkan bahawa program ini berjaya mencungkil persepsi pelajar terhadap alat dan perspektif baharu dalam menangani cabaran di sekolah. Hal ini selaras dengan kajian Ariff Hidayat dan Mahani (2022) yang menyatakan bahawa program pembinaan ketahanan mental yang baik boleh mengurangkan kebimbangan mengenai masalah disiplin di sekolah.

Selain itu, program ini juga memperkukuh kesediaan pelajar PISMP dalam mengurus keseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi. Item "Saya lebih bersedia untuk mengekalkan keseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi" mencatatkan purata 3.40 (SD = 0.63), yang menunjukkan bahawa pelajar kini lebih memahami pentingnya menyeimbangkan kehidupan profesional dan peribadi mereka, satu aspek penting dalam mengelakkan *burnout* dalam kerjaya perguruan (Abdullah & Ali, 2019).

Secara keseluruhan, Program Menyemarak Nyala Rasa Guru dapat dilihat sebagai program yang efektif dalam mempersiapkan pelajar secara mental untuk menghadapi cabaran dalam profesion keguruan. Purata skor yang tinggi untuk kebanyakan item menunjukkan bahawa program ini berjaya meningkatkan ketahanan dan kesediaan mental pelajar untuk berdepan dengan cabaran yang bakal mereka hadapi sebagai seorang guru. Program ini juga membekalkan ilmu pengetahuan yang lebih mendalam tentang ketahanan diri dan pengurusan kesediaan mental dalam menjamin kejayaan dalam profesion keguruan.

Bagi menjawab persoalan, apakah hubungan tahap ketahanan diri pelajar dengan cabaran guru baharu dianalisis menggunakan Korelasi Pearson seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4 yang menunjukkan tahap kesignifikanan serta hubungan yang positif terhadap kedua-dua pembolehubah. Keputusan korelasi positif, menunjukkan semakin tinggi tahap ketahanan diri pelajar, semakin tinggi cabaran profesion keguruan yang dihadapi dalam kalangan pelajar. Kajian ini selaras dengan penemuan Norhuda & Norwaliza (2024) yang menunjukkan bahawa ketahanan diri berkait rapat dengan cara guru baharu menangani cabaran mereka dalam profesion pendidikan.

Manakala min keseluruhan untuk cabaran guru baharu adalah 3.09 (SD = 0.48), yang menunjukkan secara keseluruhan, pelajar PISMP mengalami tahap cabaran yang sederhana dalam menjalani profesion mereka. Ini mencerminkan realiti yang mereka hadapi, dengan cabaran yang tidak terlalu berat tetapi tetap mempengaruhi kesejahteraan mereka. Sebagai contoh, item seperti “Murid-murid yang sukar dikawal menjadi cabaran besar bagi guru baharu” (min = 3.42) dan “Sokongan dari rakan sekerja adalah penting bagi guru baharu mengatasi cabaran” (min = 3.59) menunjukkan bahawa cabaran yang paling dirasakan adalah dalam pengurusan kelas dan keperluan sokongan sosial daripada rakan sekerja, yang juga dilaporkan oleh Azizah (2019). Bagi ketahanan diri, min keseluruhan adalah 3.50 (SD = 0.44), yang menunjukkan bahawa guru baharu mempunyai tahap ketahanan diri yang agak tinggi dalam menghadapi cabaran profesional mereka. Item-item yang mempunyai nilai min tinggi seperti “Ketahanan diri adalah kunci untuk menyelesaikan masalah dalam kerjaya guru” (min = 3.56) dan “Guru baharu yang resilient mampu mengurus konflik dengan lebih baik” (min = 3.47) menunjukkan bahawa guru-guru baharu ini merasakan bahawa ketahanan diri mereka memainkan peranan penting dalam menghadapi pelbagai cabaran, sesuai dengan kajian oleh Diasti (2021) yang mengaitkan ketahanan mental dengan pengurusan tekanan dalam kalangan guru.

Korelasi $r = 0.260$ ($p < 0.01$) menunjukkan hubungan positif yang sederhana antara ketahanan diri dan cabaran guru baharu. Ini bermaksud, walaupun ketahanan diri yang lebih tinggi cenderung berkaitan dengan pengalaman cabaran yang lebih besar, hubungan ini adalah sederhana dan mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor lain, seperti sokongan sosial, pengalaman kerja, dan pengurusan emosi. Penemuan ini turut dipersetujui oleh Mat Zin et al. (2023) dan Ainaa Amirah (2022) yang menyatakan bahawa ketahanan diri memainkan peranan penting dalam menolong guru mengatasi cabaran dalam pekerjaan mereka.

Secara keseluruhan, guru yang memiliki ketahanan diri yang lebih tinggi cenderung berhadapan dengan cabaran yang lebih besar dalam profesion keguruan mereka. Ini boleh dikaitkan dengan fakta bahawa ketahanan diri memberi mereka kekuatan untuk mengatasi cabaran tersebut, menjadikan mereka lebih peka terhadap cabaran yang ada di sekitar mereka, berbanding dengan guru yang lebih lemah ketahanan diri mereka, yang mungkin tidak dapat mengenali atau menghadapinya dengan cara yang serupa.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Kajian ini menguatkan lagi pentingnya pembangunan ketahanan diri dalam kalangan pelajar PISMP, kerana ketahanan diri yang lebih baik boleh membantu mereka mengatasi cabaran yang mereka hadapi. Program latihan dan sokongan yang meningkatkan ketahanan mental guru baharu perlu diperkenalkan dalam latihan guru di Institut Pendidikan Guru Malaysia dan program-program pembangunan profesional sepanjang kerjaya mereka.

Selain ketahanan diri, kajian ini juga menunjukkan pentingnya sokongan sosial dari rakan sekerja. Oleh itu, pengurusan IPGM harus mempertingkatkan program-program seumpama ini dengan kerjasama antara kumpulan rakan strategik, *stakeholder* dan komuniti masyarakat luar dalam menghadapi cabaran profesion keguruan. IPG Kampus juga perlu sentiasa memantau dan mengenalpasti guru-guru cemerlang yang luar biasa untuk terus berkongsi amalan pengajaran serta motivasi dalam kalangan guru-guru sekolah.

Justeru Program Menyemarak Nyala Rasa Guru merupakan satu langkah persediaan awal di peringkat kampus bagi memastikan pelajar mempunyai kesediaan mental dan ketahanan diri dalam

menghadapi cabaran profesion keguruan. Langkah ini seiring dengan pelbagai ilmu, latihan dan perkhidmatan yang dipelajari sepanjang tempoh lima tahun berkursus demi meningkatkan tahap kompetensi profesional diri dari aspek kognitif, afektif dan psikomotor selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kajian awal keberkesanan Program Menyemarak Nyala Rasa Guru menunjukkan tahap kesediaan mental yang tinggi dan hubungan positif yang signifikan antara tahap ketahanan diri pelajar PISMP dan cabaran yang mereka hadapi dalam profesion perguruan. Aspek kesediaan mental dan ketahanan diri pelajar merupakan faktor penting dalam menentukan kejayaan seseorang pendidik dalam profesion keguruan. Oleh itu, program-program sedemikian perlu dilaksanakan pada setiap peringkat perkembangan diri seseorang guru.

Penghargaan

Kumpulan penyelidik ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak IPGM, di atas kelulusan peruntukan kewangan dalam menjayakan program ini. Syabas juga diucapkan kepada pemimpin *Global School Leader (GSL)*, yang berjaya menganjurkan pertandingan anugerah *Malaysian Teacher Prize* dalam mengenalpasti guru-guru luar biasa serta mengiktiraf pencapaian cemerlang para pemenang. Tidak lupa juga kepada para jemputan finalis dan pemenang anugerah *Malaysia Teacher Prize* dan *Global Teacher Prize* yang berkongsi pengalaman ilmu dan amalan kerjaya positif bidang profesion keguruan dalam kalangan pelajar PISMP, pensyarah dan guru-guru sekolah di sekitar IPGK. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua responden pelajar PISMP dan pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

Kenyataan konflik kepentingan

Tiada potensi konflik kepentingan dilaporkan oleh penulis.

.

RUJUKAN

- Abd. Rahman, F. I., & Ahmad, A. (2024). Cabaran Guru Menggunakan Bahan Elektronik dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(2), e002701. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i2.2701>
- Abdullah, N., & Ali, A. (2019). Tahap Kesediaan Guru Pelatih Reka Bentuk Dan Teknologi Terhadap Pengajaran Mata Pelajaran Reka Cipta . *Online Journal for TVET Practitioners*, 2(1), 1-9 .
- Ahmad, A. (2008). Kepentingan pendidikan dalam penbentukan kualiti hidup sejahtera. *Malaysian Education Dean's Council Journal*, 2, 1-8.
- Ainaa Amirah, A. (2022, Disember 22). Kepelbagaian tugas punca kerjaya guru penuh cabaran. *Berita Harian*.
https://librarykpm.moe.gov.my/ELFinderConnector?cmd=file&target=v1_XFBlbmd1cnVzYW4gUGVycHVzdGFrcmVwFuIEtQTVxBcnRpa2VsICBBa2hiYXJcMjAyMlxEaXNlbWJlclwyMi4xMi4yMDIyXEJIIDlyLjEyLjIwMjIyS0VQRUxCQUdBSUFOIFRVR0FTQU4gUFVOQ0EgS0VSSkFZQSBNVjVlBFRTVlIENBQkFSQU4ucGRm0
- Alias Baba (1992). *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ariff Hidayat, O.& Mahani, M.(2022). Keberkesanan bimbingan pembangunan profesionalisme guru baharu di sekolah berdasarkan pengalaman guru mentor. *Jurnal Dunia Pendidikan*,4(1), 394-409. <http://eprints.iab.edu.my/v2/1363/1/pro.pdf>

- Azizah, S. (2019). Pengaruh persekitaran sekolah terhadap pembentukan daya tahan guru pelatih semasa praktikum. *Jurnal IPDA*, 26(1), 123-136. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ipda/article/view/8211>
- Diasti, K. (2021). Constructing professional identity: Investigating stress factors and resilience experienced by EFL novice teachers. *Scholaria: Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan*, 11(1), 1-10. https://www.researchgate.net/publication/349185545_Constructing_Professional_Identity_Investigating_Stress_Factors_and_Resilience_Experienced_by_EFL_Novice_Teachers
- Falsafah Pendidikan Kebangsaan. (1988). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hasifah Hassan Muhammad Faizal A.Ghani (2022). Pengaruh komitmen guru dan penyeliaan guru besar terhadap pengurusan bilik darjah di Sekolah Rendah Daerah Tenom, Sabah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 9 (1), 56-76. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/35159>
- Kasim, T. S. A. T., Noor, N. E. M., & Yusoff, Y. M. (2022). Cabaran guru dalam pembinaan sahsiah murid melalui e-pembelajaran pendidikan Islam: Teacher challenges in building student personality through e-learning of Islamic education. *Sains Insani*, 63-71. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.volno.448>
- Malaysia, K. P. (2020). Standard Guru Malaysia 2.0. Ministry of Education Malaysia.
- Mat Zin, N. I., Sulong, R. M., & Zainudin, Z. N. (2023). Psychological wellbeing among teachers in Malaysia: The relationship between burnout, resilience and school factor. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(12). <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v13-i12/20350>
- Mohd Aizat Abu Hassana , Mohd Faizal Rabanib , Mohamad Ekhwan Mohamad Shukor , Mohd Mastifino Abdul Majid (2018). *Sikap Guru Terhadap Perubahan dalam Sekolah di Malaysia*. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.30663.34722>
- Mohd Asri Harun, Zulkifley Hamid, Kartini Abd Wahab (2016). Melahirkan Warga yang Berketerampilan Bahasa: Kajian Hubungan Antara Pengetahuan dengan Amalan Komunikatif dalam Kalangan guru Bahasa Melayu. Malaysia. *Journal of Society and Space*, 12(9), 32-45.
- Mc Clelland (1978) dalam Muhammad Ridho (2020). Teori motivasi McClelland dan implikasinya dalam pembelajaran PAI. *Jurnal Studi Keislaman dan Ilmu Pendidikan* 8(1), 1-16. <https://doi.org/10.36088/palapa.v8i1.673>
- Norhuda, Z. & Norwaliza, A.W. (2024). Novice teachers socialization: Issues and challenges. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(1). <http://dx.doi.org/10.6007/IJARPED/v13-i1/21047>
- Nor, N. M., Talib, C. A., Abd Hakim, N. W., Ali, M., Osman, S., & Ibrahim, N. H. (2018). Penggunaan sumber ict dalam pengajaran kimia: Cabaran kepada guru masa kini (The use of ICT resources in teaching chemistry: Challenges to recent teachers). *Innovative Teaching and Learning Journal (ITLJ)*, 2(2), 82-88. <https://itlj.utm.my/index.php/itlj/article/view/23>
- Ministry of Education Malaysia. (2014). *Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK)*. Putrajaya
- Ministry of Education Malaysia. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. (2013). Putrajaya.

- Ramanan, B., Mohamad, M., & Ambon, J. (2024). Transformation of education through continuous professional development: enhancing teacher competence towards excellence in performance. *International Journal of Future Education and Advances (IJFEA)*,1(1). https://www.researchgate.net/publication/379249022_Transformation_Of_Education_Through_Continuous_Professional_Development_Enhancing_Teacher_Competence_Towards_Excellence_In_Performance
- Saadiah, S., Jamal @ Nordin, Y., & Hamidah, Y. (2020). Pembangunan profesionalisme guru terhadap efikasi sendiri guru sekolah menengah di negeri Selangor. *Evaluation Studies in Social Sciences*, 9(2), 37-48. <https://doi.org/10.37134/esss.vol9.2.6.2020>
- Shuib Dirwan & Johari Seman (2001), Profesi keguruan di Malaysia, sejauh manakah martabatnya kini? *Bestari Koleksi Guru Johor*, 40 – 48.
- Siti, A.J. & Mohd Effendi Ewan, M.M. (2021). Tinjauan Literatur Bersistematik: Faktor Burnout dalam kalangan Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(1), 168-186. https://www.researchgate.net/publication/348693824_Tinjauan_Literatur_Bersistematik_Faktor_Burnout_dalam_kalangan_Guru_Malaysian_Journal_of_Social_Sciences_and_Humanities
- Wan Mohd Zahid Noordin. (1998, Mac 23). *Sedutan ucapan sempena Majlis Perasmian Seminar Pendidikan anjuran JPN Johor di UTM*. Ucapan tidak diterbitkan.
- Yazid Abdul Manap. (2001). Memartabatkan Profesi Keguruan Tanggungjawab Bersama. *Bestari Koleksi Guru Johor*, 15 – 33.